

**Buku Pak Lah satu pandangan jujur, kata bekas setiausaha politik
Malaysian Insider
Aug 18 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM DAN MUZLIZA MUSTAFA**

Buku "Awakening: The Abdullah Years in Malaysia" mengenai pentadbiran perdana menteri kelima Tun Abdullah Ahmad Badawi tidak harus dilihat dari sudut negatif dan harus dinilai dari segi keterbukaannya menyatakan pandangan yang jujur menurut bekas setiausaha politik kepada bekas perdana menteri itu Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Menurut Reezal, buku tersebut tidak harus dipolitikkan kerana apa yang pasti kritikan yang dilontarkan atau diterima bekas perdana menteri kelima itu adalah ke arah kebaikan.

"Saya belum membaca buku ini namun apa yang saya tahu biar apa pun agendanya, Tun menyatakan pandangan terbuka beliau, betul atau tidak benar ia merupakan perkara yang berbeza," kata Ahli Parlimen Kepala Batas itu merujuk kepada bekas majikannya.

"Kita tidak boleh menjangka penilaian setiap pembaca, tetapi biarlah kita lihat pada intipati buku itu yang boleh kita jadikan sebagai satu rujukan bagi pemerintah negara kelak," kata beliau kepada The Malaysia Insider semalam semasa ditemui di Majlis Rumah Terbuka Abdullah.

Beliau enggan mengulas apabila ditanya mengapa sehingga sekarang Tun Dr Mahathir Mohamad enggan mengulas kenyataan Abdullah dalam buku itu yang mengatakan negara akan bangkrap sekiranya mengikut nasihat perdana menteri paling lama berkhidmat itu.

"Secara peribadinya pemimpin terdahulu biasanya akan menyatakan pandangan berdasarkan pengalaman beliau memerintah, begitu juga dengan Tun Abdullah yang begitu terbuka menerima kritikan sepanjang pentadbiran beliau," katanya lagi.

Bagaimanapun beliau tidak menafikan, pendedahan yang dibuat melalui buku tersebut boleh dijadikan sebagai satu serangan politik oleh pembangkang seperti berlaku sekarang.

"Ia pasti berlaku malah, Tun Abdullah sendiri menerima hasil kritikan yang hebat dari dalam parti sendiri dan ia digunakan oleh pembangkang bagi tujuan memecah belahkan parti dan dan kini Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak turut menerima tempas sama, " katanya.

Sementara Ahli Majlis Tertinggi Umno Tan Sri Syed Hamid Albar (gambar) tidak mahu memberikan sebarang ulasan mengenai buku Abdullah apabila ditemui.

"Saya tidak baca buku tersebut jadi saya tidak mahu komen, " katanya. – 18 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/buku-pak-lah-satu-pandangan-jujur-ka-ta-bekas-setiausaha-politik>

